



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
(Ministry Of Education Malaysia)
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
(Human Resource Management Division)
ARAS 1-5 Dan 12-14, BLOK E12
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

Telefon : +603-8884 6000 (Talian Umum)
Faks : +603-8888 6292
Laman Web : <http://www.moe.gov.my>

Rujukan kami : KP(PP)SULIT 0063/108/
2/1 Jld.2 (13)

Tarikh : 25 Oktober 2012
09 Zulhijjah 1433H

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia
13 & 15 Jalan Murai 2
Kompleks Batu, Off Jalan Ipoh
51100 KUALA LUMPUR
(u/p: Puan Lok Yim Pheng)

Puan,

**PELUANG MENJAWAT JAWATAN PENOLONG KANAN DI SEKOLAH RENDAH BAGI
KUMPULAN GURU GRED DG44 / DG48**

NAMA :
NO. KAD PENGENALAN :

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah merujuk kepada surat puan rujukan (43)dlm.KPPK(IP)PP 5/(08-11)/(4) bertarikh 23 Julai 2012 yang diterima oleh Bahagian ini pada 10 Ogos 2012 mengenai perkara seperti yang tersebut di atas.

2. Kementerian mengambil maklum dan sedang mengkaji isu peluang pengisian jawatan-jawatan pentadbiran di sekolah rendah seperti yang dibangkitkan oleh pegawai dan juga pihak Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (KPPK). Seperti pihak puan sedia maklum, jawatan Penolong Kanan merupakan jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lيسان Diploma (PPPLD) Gred DGA32. Kementerian telah memutuskan bahawa hanya Penolong Kanan Gred DGA32 yang melanjutkan pelajaran secara Pengajian Jarak Jauh (PJJ) bagi Ijazah Pertama dan dilantik sebagai PPPS Gred DG41 boleh dikekalkan di sekolah yang sama sebagai Penolong Kanan Gred DG41 secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

3. Sehubungan itu, dukacita dimaklumkan bahawa, buat masa ini BPSM tidak boleh membenarkan pengisian jawatan Penolong Kanan oleh mana-mana gred jawatan selain penyandang PPPLD Gred DGA32 seperti yang disebutkan kerana skim perkhidmatan yang berbeza. Pengisian jawatan-jawatan kenaikan pangkat PPPLD oleh pegawai-pegawai dari skim perkhidmatan siswazah dilihat akan menutup peluang kenaikan pangkat pegawai-pegawai lيسان diploma yang telahpun berada di laluan berkenaan.

4. Segala kerjasama dan keprihatinan yang pihak puan berikan dalam memartabatkan profesion perguruan dan bersama-sama menjaga kepentingan kerjaya semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(RYIA AISHA BINTI MOHD YUNOS)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran Malaysia
☎ 03-8884 7883